

Kata-kata Sakti Pilihan Daripada al-Qur'ān, al-Hadīth dan Hukama'

Beberapa banyak kejadian, kaum yang sedikit itu dapat mengalahkan kaum yang banyak dengan izin Allah. Allah beserta dengan orang-orang yang sabar.

(al-Baqarah : 249)

* * *

Jika Allah menolong kamu, tiadalah seorang jua pun yang dapat mengalahkan kamu, dan jika ia mengalahkan kamu, siapakah orang yang dapat menolong kamu kemudiannya? Orang-orang yang beriman itu hendaklah menyerahkan diri kepada Allah.

(Āli-'Imrān : 160)

* * *

Pada hari ini (hari kiamat) tiadalah teraniaya seseorang itu sedikit jua pun dan tiadalah kamu dibalas, melainkan menurut usaha (amalan) yang telah kamu kerjakan.

(Yāsīn : 54)

* * *

Sesungguhnya Allah tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum (bangsa) itu, hingga mereka mengubah nasib mereka sendiri.

(al-Ra'd : 11)

* * *

Sesungguhnya Allah tidak memberi keampunan jika Ia dipersekutukan dengan lainnya, dan Ia akan memberi keampunan jika melakukan dosa yang lain dari itu, yang demikian itu bagi siapa-siapa yang dikehendaknya. Barang siapa yang mempersekutukan Allah, sesungguhnya ia telah melakukan suatu dosa yang besar.

(al-Nisā' : 48)

Al-Hadīth

Siwak (bersugi) itu adalah alat pembersihan bagi mulut dan jalan mendapat keredaan dari Tuhan.

(al-Nasā'ī)

* * *

Siapa di antara kamu yang melihat kemungkaran dilakukan, maka ubahlah dia dengan tangannya (kekuasaan), jika tidak berkuasa, maka ubahlah dia dengan mulutnya (nasihat), jika tidak berkuasa juga, maka ubahlah dia dengan hatinya. Itu adalah selemah-lemah iman.

(Muslim)

* * *

Berjaga-jagalah kamu daripada sifat hasad, kerana sesungguhnya hasad itu memakan amal kebajikan, seperti api memakan kayu yang kering.

(Abu Daud)

* * *

Pada akhir umat ini akan muncul suatu kaum yang meneruskan perjuangan orang-orang dahulu. Mereka memerintahkan berbuat baik dan melarang daripada perbuatan mungkar serta memerangi orang-orang yang melakukan huru-hara.

(Bayhaqi)

* * *

Umatku seperti hujan, tiada siapa juga yang boleh meramalkan sama ada ia akan mendatangkan kebaikan pada awal turunnya atau pun pada akhirnya?

(Tirmidhi)

Hukama'

Orang mukmin yang sebenarnya, ialah orang yang mendiamkan diri (tidak meminta-minta) sewaktu ketiadaan, dan pemurah sewaktu berada.

(Abu al-Hassan Nuri)

* * *

Kehidupan yang sempurna itu ialah hati yang bersih daripada musykilah-musykilah atau *problem* hidup

(Junayd Bin Muhammad)

* * *

Wahai pengembara yang hidup miskin! Kamu adalah di antara manusia yang lebih mengenal Allah dan kamu disanjung tinggi oleh Allah. Oleh itu lihat bagaimana telatah kamu ketika kamu bersendirian dengan Allah.

(Junayd Baghdadi)

* * *

Persatuan sesuatu umat akan muncul apabila cerdik pandainya bersatu pendapat, dan perpecahan sesuatu umat itu akan timbul apabila mereka berlawanan di antara satu sama lain.

(Bayazid Bustami)

* * *

Kebersihan itu bukanlah sifat abadi bagi manusia, kerana manusia itu berasal daripada tanah lumpur dan tanah lumpur itu mengandungi kekotoran.

(Bayazid Bustami)

* * *

Kesucian batin itu ialah mutu di dalam pergaulan dikalangan sahabat-sahabat mu, dan mereka umpama suria tanpa dilindungi awan.

(Sri Sakti)